

PENGGUNAAN STRATEGI METAKOGNISI DALAM  
KELAS PEMAHAMAN PEMBACAAN:  
SATU KAJIAN KES

Nor Hayati Binti Abdul Shukor

Perpustakaan Universiti Malaya



A510142759

OK

Laporan Penyelidikan Yang Dikemukakan Kepada Fakulti Pendidikan,  
Universiti Malaya Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada  
Keperluan Untuk Ijazah Sarjana Pendidikan

1998

## ABSTRAK

### Penggunaan Strategi Metakognisi Dalam Kelas Pemahaman Pembacaan: Satu Kajian Kes.

Kajian ini bertujuan untuk melapor dan menghuraikan penggunaan strategi oleh pelajar semasa membaca petikan. Pengkaji akan menghuraikan jenis-jenis strategi tersebut dari sudut metakognisi. Kajian ini dilakukan untuk mata pelajaran Bahasa Melayu memandangkan di peringkat sekolah menengah, mata pelajaran ini memberi tumpuan kepada penguasaan berbahasa dan ketepatan berkomunikasi untuk melahirkan pelajar yang fasih dan lancar dalam pertuturan, cekap, kritis dan analitis dalam pembacaan serta kreatif dalam menghasilkan penulisan.

Kajian tentang penggunaan strategi metakognisi pemahaman pembacaan ini merupakan satu kajian kes yang bercorak kualitatif, melibatkan hanya seorang pelajar Tingkatan Lima di sebuah sekolah menengah di kawasan Gombak, Selangor. Kajian ini bertujuan untuk meninjau dan memerihalkan penggunaan strategi pemahaman pembacaan Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah atas (Tingkatan Lima) memandangkan kebolehan membaca dan memahami bahan yang dibaca adalah satu kemahiran yang menjadi punca kepada pembelajaran yang berkesan. Oleh itu pengkaji berpendapat adalah penting untuk melatih pelajar menggunakan strategi tertentu semasa membaca bagi meningkatkan pemahaman pembacaan mereka di samping mengawal dan mengesan maklumat-maklumat penting yang terdapat dalam petikan. Kemahiran ini perlu dikuasai

sebelum pelajar meninggalkan bangku sekolah dan menyediakan diri untuk melibatkan diri dalam berbagai-bagai bidang lain yang lebih mencabar.

Pengutipan maklumat didapati melalui tiga cara yang biasa digunakan dalam penyelidikan kualitatif iaitu pemerhatian, temubual, dan bukti dokumen. Pengkaji akan membuat pemerhatian tentang penggunaan strategi metakognisi pemahaman pembacaan ini semasa aktiviti bacaan dilakukan oleh subjek kajian di dalam kelas. Selain itu pengkaji akan mengemukakan soalan-soalan temubual terancang untuk mendapatkan maklumat tambahan tentang penggunaan strategi pembacaan daripada subjek kajian. Bahan yang digunakan sebagai bukti dokumen pula adalah empat buah petikan jenis ekspositori. Pengkaji berharap kajian ini dapat membantu para pendidik mengenal pasti kebolehan pelajar mereka dan merancang pengajaran yang lebih berkesan dengan menggunakan teknik, kaedah dan pendekatan yang sesuai untuk membimbing pelajar menjadi pembaca yang baik.

Kajian ini telah memperoleh dapatan yang berikut:

- a. Subjek kajian telah menggunakan strategi-strategi metakognisi pemahaman pembacaan dalam kelas.
- b. Penggunaan strategi metakognisi pemahaman pembacaan adalah berkesan untuk membantu pelajar memahami petikan yang dibaca.

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan telah dikemukakan untuk meningkatkan pemahaman pembacaan iaitu:

- a. Pengetahuan tentang strategi untuk memahamkan petikan yang dibaca perlu dimasukkan dalam pengajaran bacaan dan pemahaman.

- b. Penggunaan strategi metakognisi pemahaman pembacaan perlu dijelaskan kepada guru semasa pengajaran bacaan dan pemahaman dan diberi penekanan dalam Sukatan Pelajaran untuk membantu pelajar memahami teks.

Selain itu diharap kajian ini dapat membantu para pendidik mengenalpasti kebolehan pelajar mereka dan merancang pengajaran yang lebih baik dengan menggunakan teknik, kaedah dan pendekatan yang sesuai dengan sesuatu kumpulan pelajar itu. Hasil kajian ini juga diharap dapat membantu pihak perancang kurikulum, dan pihak yang terbabit dalam usaha meningkatkan kemahiran metakognisi pelajar untuk melahirkan pembaca yang berkesan.

## ABSTRACT

### The Use of Metacognition Strategy in the Understanding of Reading in Class : A Case Study.

The purpose of this study is to explain and report the strategies used by students when reading a passage. The researcher will further explain the kinds of strategies used from the metacognition angle. This study is done using the Bahasa Melayu language, as this language is used at secondary school level, it is also an important language in communication and it enables students to converse efficiently; to be able to critic and be analytical when reading and also be creative when writing.

This is a qualitative study about the use of the metacognition strategy in reading; involves only one form five student from a secondary school in the district of Gombak, Selangor. The purpose of this study is also to evaluate and explain the strategies used when reading passage written in Bahasa Melayu at the secondary school level (Form Five) as the ability to read and understand reading materials is the key skill to effective learning. Therefore the researcher is of the opinion that it is important to train students to use certain strategies while reading in order to increase their understanding at the same time control and trace certain important information contained in a reading passage. This skill needs to be mastered before students leave school to help prepare themselves in various other fields of challenge.

Information was collected in three ways which is usually used in a qualitative study;

that is observation, interview and documentation. The researcher will also analyse the metacognitive strategies used when reading is done by the subject being studied in a classroom situation.

In addition, the researcher will also put forward a few questions in a planned interview to gain insight on the strategies by the subject being studied during reading. The materials used as documents are four expository texts. The researcher hopes that this study will help the educators' better evaluate their students and help design learning strategies which are more effective, using the right technique when coaching students to read well.

The findings of this study are as follows:

- a. The subject being studied has used the various metacognitive strategies while reading in class.
- b. The metacognitive strategies used in reading enables students to read passages more effectively.

Based on the findings of this study, a few proposals have been presented to increase the understanding when reading, such as:

- a. The knowledge of the strategies used to understand reading passages need to be included when teaching reading comprehension.
- b. The use of metacognitive strategies in reading comprehension need to be explained to the teacher while reading comprehension is being taught and emphasis should be given to the education syllabus to help students understand the text.

Besides that, this study is hoped to help educators identify the potential in their students and help plan lessons well using the right technique, method and approach for a

certain group of students. This study also hopes to help curriculum designers and others involved in the efforts to increase the metacognitive skills and to be able to produce better readers.

## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah hidayat-Nya telah dapat saya sempurnakan projek penyelidikan ini bagi memenuhi sebahagian daripada syarat ijazah Sarjana Pendidikan.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penelia saya, Encik Mohamad bin Haron kerana jasa beliau memberi ilmu pengetahuan, bimbingan, tunjuk ajar dan bantuan yang tidak ternilai harganya sehingga terhasilnya projek penyelidikan ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya Bahagian Biasiswa kerana memberi sokongan kewangan kepada saya untuk mengikuti kursus Sarjana Pendidikan di Universiti Malaya.

Akhir sekali, penghargaan paling istimewa ditujukan kepada ibu saya, Hajah Esah, suami dan anak-anak yang memberi semangat, dorongan dan mendoakan kejayaan saya. Hanya Allah sahaja yang dapat membala jasa baik yang telah saya terima.

Wassalam.

## KANDUNGAN

### **Muka surat**

<b>ABSTRAK</b>	<b>i</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>iv</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>vii</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>

<b>BAB 1 Latar Belakang Kajian</b>	<b>1</b>
<b>Kenyataan masalah</b>	<b>4</b>
<b>Tujuan kajian</b>	<b>7</b>
<b>Soalan-soalan kajian</b>	<b>8</b>
<b>Kepentingan kajian</b>	<b>9</b>
<b>Batasan kajian</b>	<b>10</b>
<b>Definisi istilah</b>	<b>11</b>
 <b>BAB 2 Tinjauan Karya Yang Berkaitan</b>	 <b>13</b>
<b>Kajian berkaitan bacaan dan pemahaman</b>	<b>14</b>
<b>Teori metakognisi</b>	<b>15</b>
<b>Strategi metakognisi dalam pembacaan</b>	<b>19</b>
<b>Kajian yang berkaitan di Malaysia</b>	<b>22</b>
<b>Kesimpulan</b>	<b>24</b>
 <b>BAB 3 Kaedah Kajian</b>	 <b>26</b>
<b>Subjek kajian</b>	<b>26</b>
<b>Bahan kajian</b>	<b>27</b>
<b>Latar belakang tempat kajian</b>	<b>28</b>
<b>Kaedah pengutipan data</b>	<b>29</b>
<b>Log methodologi kajian</b>	<b>30</b>

<b>BAB 4 Dapatan Kajian</b>	<b>33</b>
Pemerhatian dan temu bual pertama	33
Pemerhatian dan temu bual kedua	38
Pemerhatian dan temu bual ketiga	42
Pemerhatian dan temu bual keempat	44
Kesimpulan	45
<b>BAB 5 Rumusan Dapatan Dan Perbincangan</b>	<b>48</b>
Jenis-jenis strategi metakognisi pemahaman pembacaan	48
Keberkesanan penggunaan strategi metakognisi	52
Implikasi dalam pengajaran	55
Cadangan penyelidikan lanjut	57
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>59</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>62</b>

## SENARAI LAMPIRAN

<b>Lampiran</b>		<b>muka surat</b>
1	Petikan 1 - Tajuk: Budaya Kerja : Antara Konsep dengan Amalan	62
2	Memo Pemerhatian Pertama	65
3	Petikan Temubual Dengan Subjek Kajian	67
4	Petikan 2 - Tajuk : Industri Kraf Akan Terus Bergerak Maju	71
5	Petikan 3 - Tajuk : Pil Vitamin dan Zat Galian Dalam Amalan Pemakanan	74
6	Petikan 4 - Tajuk : Penyinaran Makanan	76

**SENARAI RAJAH**

**muka surat**

<b>Rajah 1 Model Pemantauan Kognitif</b>	<b>16</b>
--	-----------

**SENARAI JADUAL**

**muka surat**

<b>Jadual 1 Log Methodologi Kajian</b>	<b>31</b>
--	-----------